



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, memenuhi syarat **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus “Patuh” serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
MBMB/SH/2025/19 KERJA NAIK TARAF DALAMAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI RUMAH PERANGINAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH, NO. F-3-25 & F-2-21, BAYU BEACH RESORT, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS Peruntukan : MBMB Tarikh Kelulusan : 28/5/2025 No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00821(P)	<u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u> Gred G2 (seluruh Negeri Sembilan) Kategori B Pengkhususan B28	<u>HARGA</u> RM10.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 21 Ogos 2025 (Khamis) sehingga 2 September 2025 (Selasa)	21 Ogos 2025 (Khamis) Jam 11.00 pagi. Berkumpul di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan Koordinat Lokasi : 2.490728, 101.842646 1. Lawatan tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u> 2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak 3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u>	<u>TARIKH</u> 2 September 2025 (Selasa) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **21 Ogos 2025 (Khamis) sehingga 2 September 2025 (Selasa)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam